

Pengaruh Kesiediaan Mental dan Emosi Terhadap Kecemerlangan dalam Pembelajaran Ulum Hadis di Kalangan Pelajar: Kajian Kes di KUIS

The Influence of Mental and Emotional Readiness on The Academic Excellenet of Learning Ulum Hadith Among Students: A Case Study in KUIS

Siti Mursyidah Mohd Zin^{*1} Hamzah Omar², Mohd Asri Ishak³ Mohd Norzi Nasir⁴ dan Norhazlina Omar⁵

¹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. sitimursyidah@kuis.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. hamzah@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. asri@kuis.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. mohdnorzi@kuis.edu.my

⁵ Pembantu Penyelidik. iennairfan@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel Diterima: 3 Okt 2019 | Selepas Pembetulan: 11 Okt 2019 | Diterima untuk terbit: 14 Okt 2019

Abstrak

Kesediaan mental dan emosi adalah penting untuk mempelajari subjek Ulum Hadis di KUIS ini kerana subjek ini menggunakan bahasa Arab sebagai medium dalam pembelajarannya. Namun, ramai pelajar masih kurang mendapat markah yang memuaskan dalam subjek ini. Pelbagai faktor telah dikenal pasti menjadi punca kegagalan pelajar kerana tiada kesediaan mental dan emosi. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesediaan mental dan emosi pelajar dalam mempelajari subjek Ulum Hadis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual yang dijalankan terhadap enam orang pelajar. Jumlah sampel terpilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan dan dianalisis menggunakan kaedah Atlas.ti. Hasil kajian mendapati terdapat dua faktor yang mendorong kecemerlangan dalam subjek ini iaitu (1) kesediaan mental dan (2) emosi. Hasil dapatan mendapati lima kaedah kesediaan mental dan lima faktor yang mempengaruhi emosi pelajar. Justeru itu mengenal pasti kesediaan mental dan emosi serta kaedah dan faktornya di dalam pembelajaran Ulum Hadis akan membantu untuk meningkatkan kecemerlangan pembelajaran Ulum Hadis.

Kata kunci: *kecemerlangan, kesediaan mental, persediaan emosi, ulum hadis.*

Abstract

Mental and emotional preparedness are vital in learning Ulum Hadith as this particular subject is taught in Arabic. Nevertheless, the average mark is still below satisfactory level. Various factors have been identified in causing a large percentage of students to fail this subject. Thus, this study aims to explore mental and emotional preparedness of the students who are learning Ulum Hadith. This is a qualitative study in nature that employs interview as research instrument and analysis is done using Atlas.ti. Interviews have been conducted with six KUIS students. Findings show that there are two main factors resulting in an outstanding achievement of this subject namely (1) mental preparedness and (2) emotional. In short, there are five methods in mental preparedness and five factors that influence students' emotions. Therefore, these findings are hoped to improve student's achievement in studying Ulum Hadith.

Keywords: *excellency, mental preparedness, emotional preparedness, ulum hadith.*

1. Pendahuluan

Ulum Hadis adalah subjek yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS bertujuan untuk para pelajar didedahkan dengan kaedah dan formula dalam mengenal pasti hadis Rasulullah SAW dari segi penerimaan hadis dan penolakannya. (Phayilah Yama t.t)

Namun, rekod Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI),KUIS menunjukkan ramai pelajar yang masih gagal mendapatkan markah yang memuaskan bagi subjek Ulum Hadis. Iainya berdasarkan keputusan markah peperiksaan akhir bagi tiga semester dari tahun 2017 hingga 2019 sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Peratusan Kelulusan dan Kegagalan bagi markah Peperiksaan Ulum Hadis

BIL	SESI	JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR	PERATUSAN LULUS	PERATUSAN GAGAL
1	SESI I 2017/2018	393 ORANG	90%	10%
2	SESI II 2017/2018	61 ORANG	80.3%	19.67%
3	SESI II 2018/2019	64 ORANG	70.3%	29.6%

Menurut Mohd. Khafidz (2011) memahami disiplin ilmu Ulum Hadis atau *mustalah al-Hadith* merupakan suatu bidang ilmu yang mesti dikuasai oleh mereka yang mahu berkecimpung dalam lapangan hadis secara lebih meluas dan mendalam.

Justeru objektif adalah untuk mengenal pasti kesedian mental dan emosi pelajar di dalam pembelajaran Ulum Hadis dan faktor yang mempengaruhi kedua-dua aspek tersebut. Ini adalah kerana kesedian mental dan emosi pelajar adalah antara punca kepada permasalahan ini kerana pelajar cemerlang dalam bidang akademik mempunyai kesedian mental dan emosi yang berbeza dengan pelajar yang kurang cemerlang (Rebecca Oxford, 1990)

2. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian adalah tulang belakang bagi sesebuah kajian untuk menjamin kesahihan data dan analisis yang diperolehi (Othman, 2009). Rekabentuk kajian ini menggunakan kerangka konsep Ellis 1994 yang mengkaji perkaitan antara perbezaan individu dan kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran. Beberapa item dalam kerangka konsep ini turut diubah suai mengikut objektif kajian ini. Temubual terbahagi kepada dua bahagian: temubual berstruktur dan temubual tidak berstruktur (Najib, Che Su & Iran, 2003). Walau bagaimanapun Chua (2014) berpendapat terdapat satu lagi jenis temubual iaitu temubual separa struktur.

Jenis temubual yang digunakan dalam kajian ini ialah separa struktur. Temubual ini dipilih kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat spontan daripada responden sebagai maklumat tambahan dan tidak terikat dengan item soalan yang telah dibina dan juga tidak terpesong daripada objektif kajian (Othman, 2009).

Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Rasional bagi pemilihan lokasi ini adalah kerana subjek Ulum Hadis ini telah ditawarkan bermula di zaman Akademi Islam yang kini diberi nama Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) di KUIS sudah melebihi 20 tahun yang mana ia merupakan suatu tempoh yang agak lama. Namun begitu pencapaian para pelajar di dalam subjek Ulum Hadis masih tidak memberangsangkan berdasarkan Jadual 1

Keadaan ini boleh memberi input yang lebih signifikan berkaitan gaya afektif pelajar dalam pembelajaran Ulum Hadis. Pemilihan responden pula adalah mengikut kriteria berikut:

- i. Responden adalah terdiri daripada pelajar yang pernah dan sedang belajar subjek Ulum Hadis di KUIS.
- ii. Dua orang responden adalah pelajar yang cemerlang manakala dua lagi sederhana dan dua lagi adalah pelajar yang lemah di dalam pembelajaran Ulum Hadis. Tahap pencapaian pelajar diukur pada markah peperiksaan bagi subjek Ulum Hadis I dan markah ujian pertengahan semester bagi subjek Ulum Hadis II.
- iii. Kesemua enam orang responden adalah pelajar dari Semester 4 yang masih belajar berkenaan subjek Ulum Hadis di peringkat yang kedua.

Pemilihan responden mengikut tahap pencapaian yang berlainan adalah untuk melihat kebarangkalian dapatan yang berbeza bagi setiap responden.

Pengkaji mengikuti beberapa langkah analisis data seperti yang disarankan oleh Othman (2009) iaitu memahamkan data yang terkumpul dengan mendengar data yang direkod, menukar data perbualan dari bentuk verbatim kepada transkrip serta membuat susunan dan indeks supaya ia lebih tersusun.

Data-data rahsia dan berbentuk peribadi akan disimpan dan nama sebenar yang disebut oleh responden akan ditukar kepada nama samaran supaya maklumat sensitif dapat dijaga. Bantuan perisian komputer ATLAS.ti digunakan untuk membantu menganalisis data kerana ia sesuai untuk kajian tahap sederhana (Daymon & Holloway, 2008). Walau bagaimanapun, pengkaji masih menggunakan tenaga manusia dalam analisis data kerana perisian komputer tidak boleh menggantikan 'elemen manusia' dalam mencari data (Othman, 2009).

3. Definisi Kesediaan Mental dan Emosi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) "Kesediaan" bermaksud hal atau keadaan sedia dan kesanggupan. "Mental" membawa maksud perkara yang berkaitan dengan atau melibatkan akal, pemikiran, atau proses intelektual. Manakala "Emosi" membawa maksud keadaan perasan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang.

Oleh itu, kesediaan mental dan emosi adalah perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka untuk mencapai kecemerlangan. Ia berbeza dengan metakognitif yang bertindak sebagai pengawal terhadap aktiviti pembelajaran dan pemikiran individu (Kyairaniah, Mohd Isa, & Maimun, January 2017)

Pengkaji menggunakan kedua-dua definisi untuk membentuk definisi operasi yang baru iaitu "Kesediaan pelajar dari aspek mental dan emosi dalam menguasai pembelajaran Ulum Hadis".

4. Definisi Ulum Hadis

"*Ulum*" menurut Syed Abdul Majid Ghouri (2017) berasal dari perkataan '*ilm*' dan ia bermaksud mengetahui sesuatu sebagaimana hakikatnya yang sebenar atau mengetahui sesuatu dengan pasti (yakin) menepati apa yang berlaku, bukan dengan sangkaan (*zan*).

Makna "*Al-Hadith*" mengikut istilah ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan, atau pengakuan (*taqrīr*) penyifatan fizikal, penyifatan akhlaq (Mohd. Khafid, Suriani Sudi & Rosni Wazir 2018)

Abu Laith (2011) menyatakan *Ulum al-Hadith* juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti Ilmu *Mustalah al-Hadith*, Ilmu *Hadith Dirayah* dan *Riwayah*, Ilmu *Usul al-Hadith*. Namun, nama *Ulum al-Hadith* merupakan istilah yang agak lewat dikenali, iaitu sekitar kurun keempat Hijrah. Ulama pertama yang menggunakan istilah tersebut adalah Imam Abu Abdullah al-Hakim al-Naysaburi (m.405H) melalui bukunya *Maʿrifat Ulum al-Hadith*. Syed Abdul Majid Ghaouri (2012) menjelaskan *Ulum al-Hadith* membawa maksud ilmu mengandungi di dalamnya ilmu-ilmu hadis *al-Riwayah* dan *al-Dirayah*. Manakala ulama pertama yang membahagikan ilmu hadis kepada dua

bahagian iaitu ilmu *al-Riwayah* dan *al-Dirayah* ialah Muhammad bin Ibrahim bin Sa'id al-Ansari (m.749H) pada kurun ke lapan hijrah.

Walau bagaimanapun, Syed Abdul Majid Ghouri (2017) menjelaskan bahawa istilah yang paling masyhur dan paling banyak tersebar ialah istilah "*Ulum al-Hadith*." Ramai ulama telah menamakan buku-buku mereka seperti al-Hakim Abu 'Abdillah al-Naisaburi (wafat 405 H) yang menamakan kitab beliau "Ma'rifat 'Ulum al-hadis," Imam Ibn al-Salah (wafat 643 H) yang menamakan kitab beliau "'Ulum al-hadis" dan ianya masyhur sebagai "Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh dengan nama ini, kerana ianya menyeluruh (komprehensif) dan merangkumi setiap apa yang berkaitan dengan hadis, dari segi pengumpulan, muṣṭalah, ehwal perawi dan lain-lain. yang berhubung-kait dengan hadis dan para perawi.

Istilah Ulum Hadis digunakan di dalam kajian ini kerana istilah ini lebih umum dengan merujuk kepada aspek-aspek yang dipelajari oleh responden kajian ini.

5. Kesediaan Mental dan Emosi Pelajar dalam Gaya Afektif

Gaya afektif ialah tindakan refleksi psikologi pelajar terhadap pembelajaran secara psikologi (Ellis, 1994). Terdapat ramai sarjana yang mengkaji keberkesanan gaya afektif di dalam pembelajaran (Oxford, 1990; Skehen, 1991; Ellis, 1994). Gaya afektif adalah salah satu item dalam strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran mereka terutama pembelajaran Ulum Hadis kerana ia adalah suatu ilmu yang sukar dikuasai, payah untuk memahirkan diri, mendalam perbicaraannya, dan besar perbincangannya. Ia juga bukanlah sesuatu yang mudah untuk difahami, tidak senang untuk dipelajari dan tidak semua orang mampu menguasainya (Al-'awfi, 1997).

Tambahan pula, pembelajaran dan rujukan bagi subjek Ulum Hadis adalah di dalam Bahasa Arab dan ia menjadi cabaran pelajar yang lemah (Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun Najuwah. 2014). Mereka perlu memahami setiap perkataan dengan lebih baik. Dalam mencapai objektif kajian, kesediaan mental dan fizikal yang positif adalah perlu supaya pelajar dapat menguasai pembelajaran Ulum Hadis.

5.1 Kesediaan Mental dan Emosi menurut para sarjana

Pengkaji membahagikan gaya afektif kepada dua bahagian iaitu kesediaan emosi dan mental. Gaya afektif ini turut mengalami gangguan yang membantutkan kesediaan mental dan emosi pelajar dalam menguasai pembelajaran di dalam dan di luar kelas (Hamzah, 2015).

Menurut Ellis (1994) telah menyatakan bahawa "kerisauan" sebagai perkara yang mengganggu kesediaan emosi dan mental. Keresauan ini mudah untuk diketahui dan membahagikannya kepada tiga bahagian:

- i. Bersifat risau: mempunyai kecenderungan untuk bersifat dengan sifat kerisauan secara kekal
- ii. Keresauan mengikut situasi: kerisauan ini terjadi disebabkan oleh situasi yang tertentu dan kebanyakan pengkaji mengaitkannya dengan percubaan para

pelajar untuk mempelajari bahasa kedua dan berkomunikasi dengannya.

- iii. Kerisauan mengikut keadaan: kerisauan terjadi sebagai satu tindak balas kepada perkara yang tertentu seperti debat, peperiksaan dan sebagainya. Ia adalah gabungan daripada sifat risau yang kekal dan kerisauan mengikut situasi.

Kerisauan boleh menyebabkan ketakutan sekali gus memberi kesan yang buruk kepada pencapaian dalam pembelajaran (Arnold, 1999). Walau bagaimanapun, bukan semua kajian berkenaan menunjukkan hubungkait yang signifikan antara kerisauan dan pencapaian (Ellis, 1994).

Kajian Diani Mardiana Mat Zin et. all (2017) menyimpulkan bahawa emosi pelajar pintar berbakat juga lebih terdedah kepada tekanan untuk mengekalkan prestasi akademik mereka dan menonjolkan kelebihan diri berbanding rakan-rakan yang lain. Pelbagai usaha-usaha perlu dilakukan oleh pihak yang terlibat bagi memastikan tahap tekanan emosi setiap pelajar adalah terkawal serta mampu menguruskan pembelajaran secara efektif. Tanpa emosi dan minat, pembelajaran akan menjadi hambar walaupun kaedah pengajaran sangat menarik.

5.2 Faktor yang mempengaruhi Kesediaan Mental dan Emosi

Banyak faktor yang dikaitkan dengan pembinaan kesediaan mental dan emosi pelajar. Umur, kebolehan berbahasa dan gaya pembelajaran boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang selain dari kepercayaan dan emosi mereka (Ellis, 1994). Berikut adalah faktor sendiri yang mempengaruhi pembelajaran pelajar bahasa:

- i. Umur: umur ialah faktor yang menentukan perbezaan kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar. Pelajar yang lebih dewasa menggunakan strategi yang berlainan dari pelajar yang lebih muda. Kajian menunjukkan pelajar yang lebih dewasa lebih cepat belajar bahasa dari pelajar yang lebih muda. (Krashen, 1981)
- ii. Kebolehan berbahasa: kebolehan berbahasa merujuk kepada tahap kemahiran dan pencapaian pelajar dalam bahasa sasaran. (Ellis, 1994). Kemahiran berbahasa amat penting terutama bagi subjek yang perlu kepada penguasaan bahasa kedua (Hamzah, 2015)
- iii. Motivasi: adalah antara faktor yang mempengaruhi perbezaan individu (Ellis, 1994). Setiap pelajar mempunyai motivasi yang berbeza bergantung kepada objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Motivasi terbahagi kepada empat bahagian iaitu:
 - a) Motivasi integratif:
Pelajar mempunyai dorongan yang terlahir dari faktor dalaman mereka seperti emosi, mental dan kepercayaan.
 - b) Motivasi instrumental:
Pelajar mempunyai dorongan yang terlahir dari faktor luaran mereka seperti persekitaran dan situasi. Gardner & Lambert (1972) turut menyebut kedua-dua jenis motivasi ini dalam kajian mereka.

c) Motivasi berdasarkan keputusan peperiksaan:

Menurut Ellis (1994), pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan akan terus bermotivasi dan meningkatkan lagi motivasi mereka berbanding pelajar yang lemah dalam keputusan peperiksaan.

d) Motivasi sebagai satu minat intrinsik:

Menurut Ellis (1994), motivasi ini adalah yang tertua di dalam ilmu psikologi. Motivasi ini bermaksud cara pembelajaran dan perasaan mendorong pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran bahasa.

Mok Soon Sang (2003) mengatakan bahawa motivasi berkait rapat dengan pembelajaran dan pencapaian pelajar. Ini selaras dengan dapatan kajian Nur Sofurah Mohd Faiz (2006) yang menunjukkan pelajar cemerlang mempunyai motivasi yang kuat iaitu suka belajar dengan inisiatif sendiri. Mereka suka dan gembira dengan kehidupan di universiti. Mereka suka mempelajari perkara-perkara baru untuk menambah pengetahuan. Ini turut diakui melalui kajian yang di lakukan oleh Halimah Abdul Majid (2018) yang menjelaskan semua model kecerdasan emosi menekankan kepentingan pengurusan emosi dalam proses pemikiran, yang seterusnya memberikan impak terhadap tindakan yang logik, berhemah dan bertanggungjawab.

Hamzah Omar (2015) menjelaskan pencetus motivasi adalah perkara, orang atau kumpulan yang mencetuskan motivasi di dalam diri pelajar ulum hadis untuk mempelajari ulum hadis dan menjadi inspirasi untuk pelajar untuk membina kecemerlangan. Pencetus motivasi boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu (i) Motivasi dalaman dan (ii) Motivasi luaran.

- iv. Gaya pembelajaran: Gaya pembelajaran ialah kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk belajar (Duckett & Tatarowski, 2005). Setiap pelajar mempelajari dan menggunakan gaya pembelajaran yang tersendiri walaupun guru menggunakan kaedah, pemilihan dan pendekatan gaya yang sama (Conner, 1993).
- v. Personaliti pelajar: Personaliti pelajar merupakan salah satu faktor sendiri yang kurang jelas perkaitannya dengan perbezaan individu.

Taksonomi ini sesuai digunakan untuk mengkaji faktor yang mendorong penguasaan individu pelajar dalam pembelajaran bahasa mereka. Oleh itu, kajian ini ingin menjelaskan kesediaan mental dan emosi pelajar dalam pembelajaran ulum hadis dengan menggunakan kerangka konsep Ellis (1994).

Selain itu, pendidikan pada masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya pelajar yang dikelilingi dengan teknologi moden yang sedang pesat berkembang. Kesediaan pelajar turut dipengaruhi dengan gaya pengajaran pensyarah yang kreatif dan inovatif dalam pengajaran dengan menggunakan pendekatan yang efektif dan berkesan (Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. 2008). Menurut Sofiah (2017) persediaan yang baik dari seorang guru dengan menggunakan alat bantu mengajar dapat menarik sebagai salah satu faktor menyumbang kepada perkembangan potensi rohani dan sosioemosi murid yang berkesan. Sifat yang baik dan amalan mulia yang dilaksanakan guru memberi kesan yang besar dalam usaha

pembentukan perkembangan rohani, dan sosioemosi murid. Oleh itu perlunya kajian semasa yang dapat melaksanakan penambahbaikan kaedah pengajaran Ulum Hadis di universiti. Kesediaan mental dan emosi yang baik dan tepat perlu dikaji supaya membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran Ulum Hadis di KUIS.

6. Dapatan dan Perbincangan Kajian.

6.1 Analisis Kesediaan Mental dan Emosi yang mempengaruhi Kecemerlangan Pelajar di dalam Pembelajaran Ulum Hadis.

Hasil daripada temubual yang telah dilakukan, terdapat dua gaya afektif pelajar dalam strategi pembelajaran Ulum Hadis iaitu (i) Kesediaan mental dan (ii) Emosi.

6.1.1 Kesediaan Mental

Kesediaan mental sebelum pembelajaran bermula sangat memberi kesan kepada seseorang pelajar (Dr. Baharin, A., PM Dr, O. M., PM Dr. Syed Shafeq, S. M., & Jaafar, H. 2007). Ini telah dijelaskan oleh responden ketika ditanya berkenaan persediaan sebelum masuk ke dalam kelas beliau menjelaskan perlunya persediaan bagi subjek Ulum Hadis sebelum kelas bermula.

Selain itu pembelajaran sebelum masuk kelas adalah penting (Dr. Baharin, A., PM Dr, O. M., PM Dr. Syed Shafeq, S. M., & Jaafar, H. 2007). Responden mengatakan bahawa subjek ini memerlukan kefahaman dan ingatan yang baik ketika ditanya faktor yang menyebabkan mereka melakukan persediaan awal sebelum ke kelas. Justeru kefahaman yang mendalam akan diperolehi sekiranya persediaan sebelum hadir ke kelas telah dilakukan tambahan pula subjek Ulum Hadis sukar difahami kerana ia memerlukan penerangan terhadap apa yang di baca.

Justeru hasil kajian mendapati persediaan para pelajar sebelum menghadiri diri ke kelas memainkan peranan yang amat penting di dalam menentukan kecemerlangan ulum hadis pelajar. Peranan guru pula adalah penting dalam meningkatkan pemahaman pelajar di dalam kelas. Kajian para sarjana turut menyokong persediaan yang baik dan pengajaran guru yang berkesan membantu kesediaan emosi positif pelajar (Sofiah, 2017).

a. Kaedah Kesediaan Mental

Rakan adalah penting dalam membentuk keperibadian pelajar (Ahmad Sihes, 2010). Pelajar mengatakan bahawa rakan yang mempunyai kelebihan dan kepandaian di dalam pembelajaran selalu membantu pelajar yang lain yang memerlukan pertolongan. Mereka memberikan bantuan dari sudut kefahaman, penerangan bagi kaedah pembelajaran yang lebih berkesan. Pelajar lebih mudah dan selesa merujuk kepada kawan-kawan sekelas terlebih yang lebih memahami. Namun sekiranya masih menemui jalan buntu mereka akan merujuk kepada para pensyarah.

Selain itu, belajar terlebih dahulu dengan menggunakan kaedah terjemahan juga dapat membantu pelajar di dalam pembelajaran mereka (Muhd. Nawawi, Muhd Rafai, Nur Safarah, Siti Wahidah, & Imna Syasheila, t.t). Ini di buktikan dengan kata-kata daripada pelajar apabila disoal aktiviti yang dilakukan sebelum bermula kelas

Ulum Hadis ada di antara para pelajar yang menggunakan buku terjemahan yang di miliki agar gambaran diperolehi sebelum kelas bermula.

Terdapat juga beberapa kaedah yang di lakukan oleh para pelajar selepas pembelajaran Ulum Hadis iaitu bertanya kepada pensyarah atau kawan-kawan sekelas yang lebih memahami. Ini dibuktikan pelajar apabila disoal berkenaan perkara yang dilakukan selepas kelas tamat jika masih tidak memahami sesuatu subjek Ulum Hadis mereka akan bertanya pada kawan-kawan atau pensyarah sehingga mereka memahami apa yang telah dipelajari dengan kefahaman yang jelas.

Penggunaan kamus dan internet sangat membantu di dalam pembelajaran Ulum Hadis (Muhd. Nawawi, Muhd Rafai, Nur Safarah, Siti Wahidah, & Imna Syasheila, t.t). Perkara ini disahkan oleh pelajar apabila disoal berkenaan perkataan atau subjek yang tidak difahami mereka akan menggunakan kemudahan *internet* dan kamus di dalam pencarian makna sesuatu perkataan.

Selain itu, kaedah menghafal selepas belajar turut membantu di dalam penguasaan ilmu ulum hadis kerana subjek ini di ajar di dalam Bahasa Arab.

Pelajar perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam mencari kaedah membina kesediaan mental positif mereka. Ini bertepatan dengan kajian para sarjana yang mengatakan pelajar yang pintar akan berusaha mengaplikasi pelbagai kaedah pembelajaran untuk mengekalkan kecemerlangan mereka (Diani Mardiana Mat Zin et.2017).

6.1.2 Emosi

Hasil analisis mendapati emosi berperanan sebagai salah satu faktor kecemerlangan di dalam pembelajaran seseorang pelajar (Nor Yuzie, Rosin, & Aida Suraya, 2014). Ini diakui oleh responden sendiri apabila disoal berkenaan emosi mereka di dalam kelas Ulum Hadis. Secara keseluruhan pelajar berasa seronok dengan subjek Ulum Hadis kerana ia merupakan ilmu yang baru.

Namun begitu terdapat juga emosi negatif yang di lontarkan oleh pelajar di dalam pembelajaran Ulum Hadis. Emosi yang negatif akan melahirkan perasaan tidak senang di kalangan orang lain. Ini kerana emosi negatif akan menjadikan pembelajaran tidak menarik walaupun ia nya mudah walaupun kajian lain mendapati sigifikan yang rendah antara emosi dan kecemerlangan dalam pembelajaran (Nor Yuzie, Rosin, & Aida Suraya, 2014). Ini telah di akui oleh responden yang lain apabila disoal soalan yang sama. Ada yang mengatakan mereka mengantuk mungkin disebabkan tidak memahami apa yang dipelajari atau factor-faktor lain seperti kelas di waktu petang atau jadual kelas harian yang terlalu padat yang menyebabkan mereka letih dan mengantuk. Selain itu emosi pensyarah turut berperanan ketika hadir ke kelas. Ini turut dijelaskan oleh pelajar pelajar akan rasa terganggu dan tidak bersemangat sekiranya mereka dimarahi.

a. Faktor Emosi

Faktor emosi yang mendorong pembelajaran Ulum Hadis adalah seperti berikut:

- i. Minat dengan subjek ini: Minat adalah faktor emosi terpenting yang mendorong pembelajaran Ulum Hadis. Ini dibuktikan oleh pelajar apabila disoal berkenaan faktor yang menyebabkan mereka cemerlang dalam subjek ini beliau menjelaskan bahawa minat yang sangat mendalam terhadap subjek Ulum Hadis. Ini kerana minat yang mendalam untuk memahirkan diri dalam memahami subjek akan menjadi titik tolak untuk berusaha bagi memperolehi strategi pembelajaran yang baik.
- ii. Kesedaran diri: kesedaran diri juga membuatkan mereka berusaha untuk meningkatkan pembelajaran ulum hadis dengan lebih baik. Ini diakui oleh responden apabila disoal berkenaan faktor yang mendorong emosi mereka dalam pembelajaran Ulum Hadis seperti tersedarnya sifat *jahil* atau masih banyak yang belum di ketahui membuatkan mereka lebih bersungguh-sungguh mempelajari subjek Ulum Hadis.:
- iii. Keluarga terutama ibu sangat memainkan peranan yang penting dalam memberi dorongan kepada pelajar untuk bersemangat ketika mempelajari subjek Ulum Hadis sekaligus menyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Ini dibuktikan dengan kata-kata pelajar pendorong di dalam hidup mereka adalah ibu dan juga ahli keluarga. Mereka ingin membanggakan ibu bapa dan memenuhi impian ahli keluarga dengan kecemerlangan di dalam pembelajaran.
- iv. Kawan: Kawan-kawan serta masyarakat juga turut memainkan peranan sebagai pendorong kepada seseorang pelajar. Galakan rakan-rakan yang baik terutama dari kalangan pelajar menyuntik semangat kawan-kawan untuk mempengaruhi emosi pelaaajar dalam pembelajaran ulum hadis.
- v. Masyarakat dorongan dan harapan daripada masyarakat turut memberi motivasi secara tidak langsung kepada pelajar di dalam pembelajaran Ulum Hadis, tambahan pula ada di kalangan pelajar tersebut yang baru memeluk Islam justeru semangat mempelajari Ulum Hadis sebagai ilmu asas bagi menyiapkan diri untuk berdakwah kepada masyarakat yang lain.

Berikut adalah ringkasan dapatan berkenaan faktor kesediaan mental dan emosi pelajar dalam pembelajaran Ulum Hadis:

Jadual 2 Analisis Kesedian Mental dan Emosi pelajar di dalam pembelajaran Ulum Hadis

Tema	Kategori	Bahagian
1.Mental	Persediaan	1. Belajar sebelum ke kelas
	Kaedah	1. Baca buku terjemahan 2. Konsultasi bersama pensyarah/rakan 3. Internet 4. Kamus

		5. Hafalan
2. Emosi	Persediaan	1. Positif : Seronok 2. Negatif: mengantuk dan dimarahi
	Faktor	1. Minat 2. Kesedaran diri 3. Keluarga 4. Rakan 5. Masyarakat

7. Kesimpulan

Oleh yang demikian, hasil kajian mendapati kesediaan mental dan emosi sangat membantu di dalam pembelajaran Ulum Hadis bagi meningkatkan kecemerlangan pembelajaran Ulum Hadis. Ini telah dibuktikan dengan temubual yang dijalankan atas enam orang pelajar Ulum Hadis. Setiap pelajar perlu ada kesediaan mental sebelum menghadiri ke kelas seperti belajar terlebih dahulu dan emosi yang baik seperti menanamkan rasa minat terhadap subjek Ulum Hadis. Para pensyarah yang turut berperanan di dalam pembentukan kesediaan mental dan emosi pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah yang menarik dan interaktif. Kepelbagaian kaedah pengajaran harus digunakan mengikut peredaran zaman agar proses pengajaran dan pembelajaran menarik kerana Ulum Hadis merupakan ilmu asas yang harus di fahami dan dipelajari.

8. Kajian ini dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi, Kategori Geran Penyelidikan Insentif, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (GPIK 2017) dengan no kod penyelidikan KUIS/2017/P/GPIK/GPI-017

RUJUKAN

- Abu Laith, Muhammad al-Khair Abadi.(2011). *Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu'asiruha*. Malaysia: Dar al-Syakir.
- Ahmad Sihes, S. M. (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan,Universiti teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1-7.
- Al-'Awfi Al-Syarif Hatim Bin 'Arif. (1997) Nasaih Manhajiyah Li Talib 'Ilm Al-Sunnah Al-Nabawiyah. Mekah: Dar 'Alam Al-Fawaid. Halaman.25
- Arnold, J. (1999). *Affect in Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan (3rd ed.)*. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd. hlm.,139 -140.
- Conner, M. L. (1993). What is Your Learning Style? Retrieved 4 28, 2013, from Marcia Conner: <http://marciaconner.com/assess/learningstyle/>
- Daymon, C, &Holloway, I. (2008). *Metode-metode Riset Kualitatif dalam Public Relations & Marketing Communications*. Yogyakarta: Perpustakaan Nasional.
- Diani Mardiana Mat Zin, Amirah Zainun, Farhana Abdul Razak.(2017) *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017)* e-ISSN: 2289-8042.

- Dr. Baharin, A., PM Dr, O. M., PM Dr. Syed Shafeq, S. M., & Jaafar, H. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, Utm Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Duckett, I., & Tatarowski, M. (2005) M. Learning Styles and Their Application for Effective Learning. Learning and Skills Development Agency.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley: Newbury House Publisher.
- Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2008). Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 31(1)
- Halimah Abdul Majid, Eow Yee Leng, Chuah Beng Ean. (2016). Pengaplikasian Kecerdasan Emosi Dalam Pengurusan Sekolah. *Jurnal Pendidikan MPSM Johor*.
- Hamzah Omar (2015) Pengaruh Perbezaan Individu (PI) dalam Penguasaan Bahasa Arab Pendejabat Universiti Awam (UA). Tesis. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noresah Baharom et. all (2015) *Kamus Dewan*. Edisi Keempat Cetakan Ketujuh Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krashen, S. D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. California: Pergamon Press Inc.
- Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun Najuwah. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Di Ipt Malaysia. *Gse E-Journal Of Education Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Vol.1. 2014
- Kyairaniah, A. H., Mohd Isa, H., & Maimun, A. L. (January 2017). Tahap Kemahiran Metakognitif Murid Sekolah Menengah Di Kawasan Felda Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* , 94-106.
- L. Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies : What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury house Publishers
- Muhd. Nawawi, b. K., Muhd Rafai, K., Nur Safarah, Siti Wahidah, & Imna Syasheila. *Pelaksanaan Dan Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran bahasa Arab Sekolah Rendah Di Malaysia*. Bandar Baru Bangi: Jawatankuasa Kebajika Siswa/I Kolej Ungku Omar, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Khafidz Soroni, (2011). Pemikiran Dan Kritikan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah Dalam Beberapa Isu 'Ulum al-Hadith. *Jurnal Hadis, Vol. 1, No. 2, December 2011* (hlm. 47-77). Selangor: Institut Kajian Hadis (INHAD), KUIS.
- Mohd. Khafidz Soroni, Suriani Sudi & Rosni Wazir (2018). *Mustolah al-Hadith al-Muyassar*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor (KUIS).
- Mok Soon Sang (2003)". *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2"*. Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Najib, A. M., Che Su, M., & Iran, H. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nor Yuzie, Y., Rosin, i. A., & Aida Suraya, M. Y. (2014). Tingkah Laku, Emosi Dan Kognitif Murid Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik. *Journal Of Human Capital Development*, 1-20.
- Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed dan Rosfaszlizah Zahit. 2006. Seminar TVE'06. *Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang – Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.

- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Phayilah Yama,(t.t). *Profoma Ulum Hadis Semester 2 (2018-2019)*. (n.d.).
- Skehen, P. (1991). Individual Differences in Second Language Learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 275-298.
- Sofiah Mohamed.1 & Kamarul Azmi Jasmi. 2017. Penerapan Potensi Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Prasekolah. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, Vol. 19 Special Edition 2017. ISSN 1675-5936, Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Abdul Majid Ghouri. (2017) *Pengenala Ilmu Mustolah al-Hadith*. Bangi, Selangor: Darul Syakir Enterprise.
-